

EDISI 2023

Buletin FKA

Pengajian Kejuruteraan Awam

Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang



جامعة
الهندسة
والتكنولوجيا
**UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA**

eISSN 2716-6325



9 772716 632004

P'CES CLUBHOUSE 2023

**(PROGRAM
KEPIMPINAN P'CES
PPKA UiTM CPP DAN
USR BERSAMA
PENDUDUK/MASJID
DI PULAU PANGKOR,
PERAK)**



Beramah mesra dengan penduduk Kampung Tengah, Pulau Pangkor

Ts Fairus Azwan Azizan, En Zaini Endut,
Ts Zanariah Abd Rahman



Pada 24 November 2023 sehingga 26 November 2023 telah berlangsungnya satu program untuk ahli kelab Penang Civil Engineering Student's Society (P'CES) iaitu P'CES Clubhouse bertempat di Pulau Pangkor, Perak. Program ini disertai oleh seramai 28 pelajar Pengajian Kejuruteraan Awam, UiTM Cawangan Pulau Pinang yang semuanya adalah di kalangan ahli kelab ini sendiri dan 2 orang pensyarah pengiring iaitu Ts Fairus Azwan Azizan dan En Zaini Endut.

Program ini adalah program kepimpinan dan khidmat komuniti dan dilaksanakan bertujuan untuk menajamkan sifat kepimpinan di kalangan para ahli dan juga meningkatkan jatidiri setiap ahli tersebut. Aktiviti dijalankan pada hari pertama program. Di samping itu juga, pada hari kedua, diadakan aktiviti pembersihan kawasan pantai pada waktu pagi. Pada waktu tengahari dijalankan lawatan rapat kasih iaitu sesi beramah mesra bersama komuniti setempat dan penduduk di Kampung Tengah, Pulau Pangkor.



Gambar kenangan peserta yang terlibat dalam program P'CES CLUBHOUSE 2023

Antara Aktiviti Yang Dijalankan



Program ini telah mendapat kelulusan dan peruntukan dari bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) UiTMCPP, sumbangan daripada Pejabat Parlimen Lenggong, Perak, iaitu Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Haji Nasarah dan juga pihak syarikat THB Maintenance Sdn. Bhd. Jutaan terima kasih diucapkan kepada penyumbang dan diharapkan agar program sebegini dapat dilaksanakan lagi di masa akan datang.

Selain jadual yang padat, peserta juga telah berkunjung ke Masjid Teluk Raja Bayang, Pulau Pangkor, untuk menjalankan aktiviti University Social Responsibility (USR) di masjid tersebut. Aktiviti ini dijalankan dengan pembahagian 2 kumpulan iaitu peserta lelaki bergotong-royong membersihkan kawasan luar masjid dan peserta wanita membersihkan dan mencantikkan kawasan dalaman masjid.

